

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 20 MAC 2019

SOALAN : 73

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesudian Kerajaan untuk mengehendkan pengagihan tidak seimbang (*malapportionment*) dalam sistem pilihan raya kepada maksimum 15% supaya jurang besar antara kawasan parlimen Klang (pemilih 149,348) dan Sabak Bernam (pemilih 40,863) boleh dikurangkan kepada tahap yang munasabah.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan menyempadankan Bahagian-bahagian Pilihan Raya Parlimen dan Negeri dilaksanakan berlandaskan kepada prinsip-prinsip persempadanan dan tatacara persempadanan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan kepada peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan, prinsip-prinsip persempadanan adalah seperti berikut:

- (i) Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak merentasi sempadan negeri;
- (ii) Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihan raya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
- (iii) Jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesuatu Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan; dan
- (iv) Memelihara hubungan tempatan.

Sehingga kini, Kerajaan berpandangan prinsip-prinsip persempadanan bahagian pilihan raya yang terkandung dalam Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan masih lagi relevan bagi tujuan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menjalankan urusan kajian semula persempadanan. Namun demikian, SPR **sentiasa terbuka untuk menerima cadangan-cadangan penambahbaikan daripada pelbagai pihak** dalam menjalankan urusan persempadanan.

Sekian, terima kasih.